

BAB 2 – ORGANISASI JKR

2.1 Pengenalan

- 2.1.1 Jabatan Kerja Raya (JKR) telah ditubuhkan sejak 1872 dan berfungsi sebagai sebuah agensi teknikal kepada Kerajaan Malaysia. Jabatan Kerja Raya Malaysia berperanan melaksanakan projek-projek pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur bagi pelbagai Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun dan Kerajaan Negeri bagi memenuhi keperluan pembangunan Negara.

2.2 Fungsi

- 2.2.1 JKR bertanggungjawab terhadap:

- (a) perancangan, reka bentuk dan pembinaan projek infrastruktur seperti jalan, bangunan Kerajaan, lapangan terbang, pelabuhan, jeti dan produk kejuruteraan yang berkaitan;
- (b) penyenggaraan jalan dan bangunan Kerajaan yang tertentu; dan
- (c) memberi khidmat nasihat teknikal kepada Kerajaan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah.

2.3 Visi, Misi dan Objektif

- 2.3.1 Visi JKR ialah untuk memberi perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan dalam bidang pengurusan aset, pengurusan projek dan kejuruteraan untuk pembangunan infrastruktur Negara berteraskan modal insan yang kreatif dan inovatif serta teknologi terkini.